

# Pelan Damai Gaza perlu dipantau rapi

**Kuala Lumpur:** Segala usaha di bawah Pelan Damai Gaza yang dipelopori Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, mesti dipantau rapi dalam usaha menamatkan konflik di Palestin, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ASEAN mengalu-alukan pelan komprehensif itu yang menjadi permulaan penting dan kritikal untuk menghentikan kekejaman

dan genosid di Gaza.

"Bagaimanapun, kami menekankan usaha ini mesti diteruskan dan dipantau dengan rapi supaya wujud keamanan yang berkekalan, penyelesaian politik yang inklusif, adil dan lestari untuk Palestin," katanya ketika berucap pada Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) ke-20.

September lalu, Trump mengumumkan pelan 20 perkara bagi

menamatkan perang di Semenanjung Gaza yang terkepung.

Pelan berkenaan, termasuk pembebasan tawanan Israel sebagai pertukaran dengan sejumlah tahanan Palestin, pelucutan senjata sepenuhnya Hamas dan pembentukan jawatankuasa teknokrat Palestin tanpa kaitan politik untuk mentadbir wilayah itu.

Israel dan Hamas menandata-

ngani fasa pertama perjanjian itu pada 8 Oktober lalu yang membenarkan pembebasan semua tahanan Israel dan sejumlah tahanan Palestin.

## Fokus rintis keamanan

Kelmarin, ketika berucap pada Majlis Pemeteraian Perjanjian Damai Kuala Lumpur di antara Kemboja dan Thailand di sini, Perdana Menteri menggesa

Trump terus fokus dalam usaha merintis keamanan di dunia, khususnya di Gaza.

Perdana Menteri menyifatkan Trump sudah memainkan peranan penting dalam memastikan keamanan dapat dicapai di wilayah Palestin itu, khususnya menerusi Pelan Damai yang digagaskan pentadbirannya bersama beberapa negara sebelum ini.